

26/01/2005

Abdullah-Pelancongan

ASEAN DESTINASI MEGA BAGI PELANCONGAN NILAI BAGI WANG, KATA ABDULLAH

LANGKAWI, 26 Jan (Bernama) - Dalam usaha merevolusi industri pelancongan, Asean perlu dipasarkan bersama-sama sebagai destinasi mega nilai bagi wang, khasnya bagi pelancong yang mahu menjimatkan kos ataupun bagi mereka yang datang dari jauh.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata demikian dalam ucapannya yang dibacakan oleh Menteri Pelancongan Datuk Dr Leo Michael Toyad semasa perasmian Forum Pelancongan Asean 2005, di Dataran Lang, di sini, malam tadi.

"Secara individu, kita mungkin memulakan promosi di negara kita sendiri, tetapi Asean sebagai entiti pelancongan tunggal tidak harus diketepikan atau dipandang remeh," kata Abdullah

Turut hadir dalam forum sembilan hari yang bermula pada 21 Jan ialah bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, menteri-menteri dan 1,500 wakil dari 10 negara Asean dan juga dari China, Jepun dan Korea.

Asean terdiri daripada Malaysia, Singapura, Thailand, Myanmar, Laos, Vietnam, Brunei, Filipina, Kemboja dan Indonesia

Menurut Perdana Menteri lagi dalam ucapannya, projek-projek Asean menampilkan satu imej budaya yang kaya, diversiti dan keunikan yang tidak boleh ditemui di mana-mana tempat lain di dunia ini dan sebarang usaha meningkatkan imej keseluruhan ini akan memanfaatkan semua negara anggota apabila lebih banyak pelawat datang ke rantau itu.

"Bagi membuat persiapan untuk ini, perancang-perancang program pembangunan pelancongan perlu membangunkan produk-produk pelancongan lebih baik dan meningkatkan penyepaduan perkhidmatan pelancongan. Manfaat daripada usaha tambahan ini boleh membawa pulangan melebihi kos," katanya.

Abdullah berkata dalam era teknologi maklumat dan komunikasi ini, jelas sekali keterkaitan dan penyepaduan harus menjadi ciri-ciri pembeza bagi sebuah masyarakat Asean.

Negara-negara Asean harus menjadi penyokong utama prinsip "makmurkan jiran" memandangkan ia adalah faktor penyumbang besar kepada keselamatan Asia Tenggara dan seluruh dunia.

-- BERNAMA

MAN PR